

Uchapan : Adito
4/50
69/80

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran
Enche' Hussein Onn di Istiadat
Penyampaian Diploma Siswazah2
Kolej Pertanian Serdang pada
31hb Julai, 1971 jam 9.30 pagi.

Tuan2 dan Puan2,

Saya merasa bertuah kerana dijemput dan
diberi kesempatan untuk beruchap di Istiadat Penyampaian
Diploma pada hari ini.

Peranan pertanian dalam ekonomi sesebuah
negara jelas diakui umum, dan keutamaan yang diberi
oleh Kerajaan terhadapnya dalam Ranchangan Pembangunan
Lima Tahun, jelas menunjukkan betapa pentingnya per-
tanian dalam ekonomi negara kita. Kerajaan akan
terus memberi keutamaan kepada kemajuan pertanian
dalam Ranchangan Malaysia Kedua, yang dilancarkan
mulai tahun ini agar perusahaan pertanian bukan sahaja
akan terus memainkan peranan utama dalam ekonomi
negara kita, tetapi ianya juga akan dapat memberi
peluang2 pekerjaan kepada belia2 negara kita.

3. Matlamat kita dalam bidang pertanian dan pembangunan luar bandar, bukan sahaja untuk men-
chapai matlamat2 yang ditetapkan oleh Rancangan Malaysia Kedua, tetapi yang lebih penting lagi, ialah untuk membawa perubahan dan kemajuan terhadap perusahaan pertanian dikawasan luar bandar dengan segera yang mungkin. Ini dapat dilakukan dengan cara memperkenalkan kepada penduduk2 luar bandar, teknik2 dan kaedah2 pertanian yang baru, tetapi ini bukanlah satu tugas yang boleh dianggap ringan, dan kerajaan telah menjadikannya satu aspek terpenting dalam Dasar Ekonomi Barunya, sebagaimana kita ketahui, bertujuan untuk membetulkan kedudukan ekonomi yang tidak seimbang yang terdapat dalam masharakat kita. Berhubung dengan perkara ini, Y.A.B. Perdana Menteri kita sendiri, telah mengatakan "Tidak ada tugas dinegeri ini yang lebih berat dari tugas memajukan ekonomi pertanian negara kita."

4. Sambil kerajaan meneruskan lagi usahanya untuk menyediakan perkara2 yang perlu bagi kemajuan pertanian, seperti kemudahan2 pengangkutan dan pengairan, kerajaan akan terus juga menyediakan "penggerak2" bagi kemajuan pertanian, seperti institusi2 pelajaran. Kerajaan telah membuat satu kajian yang teliti tentang keadaan ekonomi negara kita, menganalisa segala masalah2 yang kita hadapi dengan kritis, dan akhirnya, telah membuat satu keputusan dasar, bahawa masanya telah sampai bagi negara kita, Malaysia, mempunyai sebuah Universiti Pertanian sendiri, yang akan memainkan peranan penting dalam menyediakan kakitangan2 yang terlatih serta cekap, bagi memajukan lagi pertanian negara, dan juga lain2 sektor yang berhubung dengannya. Negara kita pada masa yang lampau, telah menyusun beberapa projek dibawah beberapa Rancangan Lima Tahun. Tetapi sedihnya, Sebahagian dari rancangan2 pembangunan kita itu, tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya, semata-mata kerana kita kekurangan tenaga pekerja untuk menjalankannya,

dan bukan kerana kita kekurangan wang untuk membiayainya. Pada asasnya, kakitangan yang terlatih dan chekap, merupakan kunchi bagi ranchangan pembangunan kebangsaan kita. Wang memang mustahak, dan sebenarnya kita tidak kekurangan wang, tetapi ia hanya akan dapat kita gunakan untuk projek2 ekonomi jikalau kita mempunyai cukup kakitangan yang terlatih. Kakitangan yang terlatih, walaupun mempunyai kemudahan2 yang terbatas, dapat menjayakan sesuatu projek. Dan dalam hal inilah, Universiti Pertanian yang akan ditubuh itu dapat memainkan peranan yang besar, iaitu dalam mengeluarkan kakitangan2 yang terlatih untuk mempesatkan lagi kemajuan pertanian negara kita.

5. Tuan2 dan puan2, saya suka menyatakan bahawa, konsep Universiti Pertanian di Malaysia, bukanlah difikirkan sechara terburu-buru, dan keputusan kerajaan untuk menubuhkannya tidak diambil tanpa membuat satu ranchangan yang teratur terlebih dahulu. Konsep mengenai Universiti Pertanian dilain-lain

bahagian dunia, telah mula wujud lebih dari satu abad dahulu, terutamanya dinegeri-negeri yang maju. Dibandingkan dengan negara2 maju itu, konsep mengenai Universiti Pertanian dinegara kita adalah baru, walaupun beberapa negara jiran telahpun menubuhkan Universiti2 Pertanian mereka sendiri dalam masa beberapa tahun kebelakangan ini. Walaupun konsep mengenai Universiti Pertanian dinegara kita telah lama kita ketahui, namun chadangan untuk mendirikannya telah mula2 sekali dikemukakan sendiri oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita, dan semenjak tahun 1969, chadangannya itu telah ditimbangkan dengan penuh kesungguhan dan telah menghasilkan keputusan oleh kerajaan pada awal tahun ini, untuk menubuhkan sebuah Universiti Pertanian seberapa segera yang boleh. Selaras dengan keyakinan Kerajaan bahawa projek baru ini diranchang dengan teratur, Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan bahawa projek besar ini dilaksanakan dengan jayanya. Satu Jawatankuasa

Peranchang untuk Universiti ini, telah ditubuhkan dengan anggotanya terdiri dari wakil2 dari beberapa Kementerian dan jabatan2 yang berkaitan, termasuk perwakilan2 dari Fakulti Pertanian dan juga Kolej ini. Bakal Naib Chancellor dan Pendaftarnya, telahpun dilantik dan sebuah Majlis sementara adalah didalam pembentukan. Mungkin benar bahawa diantara Universiti2 baru yang ditubuhkan dinegeri ini, Universiti Pertanianlah yang telah diberi masa yang agak lama dalam meranchangnya.

6. Universiti Pertanian akan memberi pimpinan, menentukan arah dan memberikan bimbingan, kearah pe-
betukan satu ranchangan pendidikan pertanian yang lengkap dinegeri ini, yang meliputi pengajaran, penyelidikan, dan pengembangan. Universiti ini akan ditubuhkan pada tahun 1973, sechara menyatukan Kolej ini dengan Fakulti
Pertanian Universiti Malaya. Ia akan ditapakkan di-
Serdang dan menggunakan kelengkapan2 dan kemudahan2 Kolej ini, sebagai pusat untuk perkembangan yang di-
ranchangkan. Apabila Universiti Pertanian ditubuhkan

di Serdang, maka Fakulti Pertanian di-Universiti Malaya akan mula menghadapi satu masa peralihan kepada Fakulti Pertanian untuk menyelesaikan segala rancangan2nya.

* 7. Elok juga saya menyatakan disini, bahawa bukanlah menjadi tujuan kerajaan untuk membataskan kegiatan2 Universiti Pertanian yang hendak kita tubuhkan itu, semata-mata terhadap disiplin2 tradisional yang ber-hubungan dengan pertanian sahaja, tetapi sebaliknya, Universiti ini akan juga memberikan kursus2 diperingkat diploma dan ijazah dalam bidang2 Kaji haiwan dan Ternakan, dan mungkin juga Perhutanan jikalau Jabatan Hutan merasakan bahawa kakitangan2 mereka perlu dilatih dinegeri ini sendiri, dengan rancangan pengajarannya disesuaikan dengan kehendak2 tempatan. Fakulti2 yang lain, akan ditambah dari masa kesamasa, apabila dirasakan perlu. Sementara itu, perancang2 Universiti Pertanian ini telahpun merancangkan satu rancangan yang rapi, bagi kursus diploma dan ijazah dalam bidang pertanian,

termasuk membenarkan mahasiswa2 membuat pilihan ataupun pengkhususan dalam bidang2 yang difikirkan sesuai dengan tanggung-jawab2 dan pekerjaan2 yang akan mereka lakukan kelak. Peranchang2 Universiti ini juga tidak mengesampingkan pelajaran kemanusiaan dan Sains Kemasharakatan dari kursus Universiti ini, jika benar2 difikirkan bahawa disiplin2 itu, ada kena mengena dengan kajian tentang perhubungan diantara kemajuan teknikal dan masalah2 manusia. Sesungguhnya, masalah2 yang dihadapi oleh keluarga2 diluarbandar, akan menjadi satu dari perkara2 yang akan chuba diselesaikan oleh institusi ini, supaya kita dapat melahirkan dalam masa yang singkat satu masharakat yang adil dan makmur.

8. Berhubung dengan penubuhan sebuah Universiti Pertanian di Serdang, tidak perlu dipersoalkan lagi tentang ranchangan kerajaan, untuk mengujudkan satu kompleks pertanian yang meliputi institusi2 pendidikan dan penyelidikan disatu kawasan yang berdekatan.

Penyusunan seumpama ini, akan membolehkan kedua-dua institusi ini berkongsi menggunakan kemudahan yang sama dan ini sudah tentu akan menjimatkan perbelanjaan.

9. Chabaran yang menghadapi Universiti Pertanian ini adalah banyak dan kompleks. Adalah menjadi harapan kerajaan, supaya Universiti Pertanian akan menetapkan satu darjah akademi yang tinggi, yang akan dipertahankan pada sebilang masa. Disamping itu, ia juga, harus dapat menyesuaikan rancangannya dengan keperluan negara, yang selalu berubah-ubah kerana peluang pekerjaan siswazahnya dalam sektor persendirian dan awam, bergantung kepada jenis latihan yang diperlukan oleh pihak majikan.

Universiti ini, harus dapat bergerak dalam suasana yang sihat, hingga membolehkannya menjadi sebuah institusi yang berpengaruh, yang perkhidmatannya dihargai oleh berbagai pihak. Kerajaan sedar bahawa, belanja untuk menubuhkan Universiti ini bukanlah kecil, tetapi kerajaan sanggup mengeluarkan wang yang sebanyak mana

juapun, dengan syarat, Universiti ini dapat menyelaraskan rancangannya dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan, dan dengan keperluan latihan yang diperlukan oleh majikan2 negeri ini. Kerajaan juga berkewajipan untuk menjamin, bahawa Universiti ini kelak, akan mendapat statusnya yang sama dengan lain2 Universiti dinegeri ini, dan juga ia akan diberikan keistimewaan2 dan tanggungjawab2 yang sama.

10. Tuan2 dan puan2, saya suka menegaskan sekali lagi, bahawa penubuhan Universiti Pertanian adalah merupakan satu soal dasar Kerajaan yang dibuat, sebagaimana yang saya katakan diawal ucapan saya tadi, setelah menimbangkan dengan sehalus2nya akan segala liku2 masaalah2 yang berkaitan dengannya. Kerajaan memang sedar akan keperluan negara ini terhadap kakitangan-kakitangan yang terlatih dalam perusahaan pertanian, terutamanya kakitangan-kakitangan peringkat pertengahan, dan oleh itu perhatian yang sewajarnya akan diberikan terhadap

latihan mereka. Dengan demikian, Universiti Pertanian akan menjalankan satu rancangan dua peringkat, iaitu peringkat ijazah dan peringkat diploma.

Penubuhan Universiti Pertanian dan permulaan kursus ijazah, tidak akan dilakukan dengan mengorbankan latihan diperingkat pertengahan. Tetapi sebaliknya, kursus ijazah akan merupakan tambahan dan lanjutan dari kursus diploma, dan oleh kerana kedua-dua kursus ini diadakan di Yayasan yang sama, kedua-dua kursus ini dapat sokong menyokong dan dengan demikian akan dapat menjimatkan perbelanjaan dengan banyaknya.

11. Kerajaan tidak pernah mengurangkan usahanya, untuk mengeluarkan pekerja² separuh professional, yang jumlah dan kebolehannya selaras dengan keperluan negara. Dalam rangka latihan yang telah disusun, perhatian yang berat diberikan kepada tugas dan tanggungjawab yang akan mereka jalankan kelak. Selaras dengan matlamat rancangan kerajaan, jumlah pelajar diinstitusi

yang terlibat dalam melatih pekerja2 peringkat pertengahan, telah meningkat naik dalam masa lima tahun kebelakangan ini. Pertambahan pelajar di Maktab Teknik Kuala Lumpur misalnya, ialah 17.5%, sedangkan di Kolej ini, pertambahannya dalam masa yang sama ialah 450%. Sebagaimana yang saya katakan tadi, kadar pertambahan bilangan pelajar di institusi2 ini, akan terus dipertahankan. Malah, mulai tahun akademi ini, Kolej ini telah memasuki satu lagi peringkat perkembangan dengan melipatgandakan pengambilan pelajar2 barunya, dan ini bermaana, dalam masa tiga tahun akan datang, Kolej ini akan dapat mengeluarkan tiap2 tahun sepuluh kali ganda dari jumlah pelajar yang dikeluarkannya empat tahun dahulu. Kadar pertambahan seumpama ini, belum pernah terjadi dalam sejarah perkembangan institusi2 pelajaran di-negeri ini, dan ini dengan jelas mencherminkan, kesedaran yang bertambah-tambah dipehak kerajaan

untuk menyesuaikan rancangannya dengan keperluan2 nasional.

12. Seruan supaya diperbetulkan ekonomi, yang tidak seimbang, yang terdapat dikalangan masharakat kita, adalah disertai dengan keperluan untuk menambahkan lagi bilangan pemuda2 kita yang mengambil kursus2 sains dan teknologi dipusat-pusat pengajian tinggi dinegeri ini. Sesuai dengan dasar ini, kerajaan sedang berusaha untuk menyediakan pemuda pemudi kita bagi memasuki Universiti2 dan Kolej2 dinegeri ini. Tetapi, kekurangan guru2 sains, terutamanya disekolah-sekolah menengah atas, telah melambatkan sedikit usaha yang baik ini. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian saya telah merancang, untuk meluaskan lagi, saluran latihan untuk guru2 kita, dengan chara meminta institusi2 yang melatih pekerja2 peringkat pertengahan dalam bidang sains dan teknologi, seperti Kolej ini dan juga Kolej Teknik Kuala Lumpur, memasukkan kedalam rancangan latihan mereka, satu rancangan latihan bagi guru2 sains. Rancangan ini sebenarnya, bukanlah satu

ranchangan yang baru, kerana kedua-dua Kolej ini, dimasa-masa yang lampau, telah mengeluarkan siswazah2 untuk perkhidmatan guru, tetapi ranchangan mereka selama ini, dibataskan kepada melatih guru2 dalam bidang pertanian dan teknik saja. Oleh kerana terdapat masaalah kekurangan guru sains, saya rasa masanya telah sampai, bagi kita meluaskan lagi bidang latihan guru, dan satu dari charanya adalah dengan menggunakan dengan sebaik-baiknya segala kemudahan2 yang terdapat di Kolej ini. Saya suka mengeshorkan kepada Majlis dan Lembaga Akademik Kolej ini, supaya memberikan pertimbangan yang wajar dan sungguh2 kepada chadangan saya ini, dan melaksanakannya kalau mungkin pada tahun hadapan.

13. Sekarang, saya sukachita mengalihkan perhatian saya, kepada pelajar2 Kolej ini. Tuan2 dan puan2 telah dipileh untuk menuntut di Kolej ini dengan satu tugas mulia, iaitu untuk menghapuskan kesangsaraan hidup golongan2 yang tidak berada, dan juga untuk mengambil bahagian yang chergas dalam pembangunan ekonomi luar

bandar negeri ini. Satu daripada sebab2 utama, yang menyebabkan berlakunya kegelisahan dikalangan pelajar2, di beberapa kawasan dunia sekarang ini, ialah kerana kegagalan dipehak pelajar, untuk memahami tujuan sebenar, mereka berada dipusat-pusat pengajian tinggi, tetapi sebagaimana yang tuan2 dan puan2 telah maklum, pelajaran disebuah Kolej atau Universiti Pertanian, telah disusun dengan suatu tujuan yang khusus, iaitu untuk meninggikan lagi taraf hidup penduduk2 luar bandar. Setelah tuan2 dan puan2 menyedari tujuan suchi ini, saya harap tuan2 dan puan2 akan dapat menjadi chontoh, dan juga menunjukkan kepada dunia, bahawa walaupun tuan2 dan puan2 mempunyai motif kemasharakatan yang kuat, tetapi tuan2 dan puan2 tetap mengutamakan pelajaran dari segala2nya. Ini tidak bermaana, bahawa tuan2 dan puan2 mesti menjadi "pak turut2" serta bersetuju dengan semua yang berlaku disekeliling tuan2, tetapi jikalau tuan2 dan puan2

benar2 tidak setuju dengan sesuatu perkara, kemukakanlah segala sungutan tuan2 dan puan2 itu dengan chara yang dapat diterima oleh masharakat.

14. Tuan2 dan puan2 yang akan menerima diploma pada hari ini, termasuk kedalam lingkungan orang2 yang bernasib baik, orang2 yang mendapat manfaat dari pelajaran tinggi dan dianggap sebagai terpelajar. Walau bagaimanapun, saya harus mengingatkan tuan2 dan puan2, bahawa dengan menerima diploma2 pada hari ini, tuan2 dan puan2 turut juga menerima tanggungjawab2 dan kewajipan2, yang disampaikan bersama dengan diploma2 itu. Negeri ini dan raayat negeri ini, yang telah memberikan peluang pelajaran tinggi kepada tuan2 dan puan2, berhak mengharapkan tuan2 dan puan2 supaya bertindak dan menjalankan kewajipan2 sebagai orang yang benar2 terpelajar. Dasar ekonomi baru kerajaan, meminta tiap2 warganegara negeri ini, supaya berusaha dengan bersungguh-sungguh, untuk memperbetulkan

ketidakseimbangan ekonomi yang terdapat didalam masyarakat kita. Pekerjaan tuan2 dan puan2 kelak, akan membawa tuan2 dan puan2 ke kawasan luar bandar, iaitu kawasan yang hendak kita majukan ekonominya.

Chabaran yang menghadapi tuan2 dan puan2, adalah sungguh besar, tetapi dengan kesungguhan dan kejujuran yang terdapat pada tuan2 dan puan2, saya perchaya tuan2 dan puan2 akan berjaya. Sebentar lagi, tuan2 dan puan2, akan meninggalkan kawasan Kolej ini, untuk mula menjalankan kewajipan dan tanggung jawab baru, dan disamping membawa balik diploma yang berharga, saya suka menyatakan bahawa, tuan2 dan puan2 turut juga membawa bersama, doa restu dan ucapan selamat maju jaya dari, kami semua.

ketidakeimbangan ekonomi yang terdapat didalam
 masyarakat kita. Pekerjaan tuas dan puas kelak akan
 membawa tuas dan puas kawasan luar bandar, iaitu
 kawasan yang hendak kita majukan ekonominya.
 Chabaran yang menghadapi tuas dan puas adalah
 sungguh besar, tetapi dengan kesungguhan dan kejutuan
 yang terdapat pada tuas dan puas, saya percaya
 tuas dan puas akan berjaya. Sebenarnya lagi, tuas
 dan puas akan meningkatkan kawasan kolej ini, untuk
 mula menjalankan kewajipan dan tanggungjawab



maju jaya bari kami semua.

* *

*Addition: Assurance staff will not be
 ① in worse position when they
 join Unwasta Pertanian.*

*Government of Malaysia
 Govt policy will be...*

No. Siri	47
No Penerimaan	47/80